

Banjir di Batu Pahat belum pulih

JOHOR BAHRU 23 Jan. - Daerah Batu Pahat masih mencatatkan jumlah mangsa banjir yang tinggi iaitu sebanyak 51,210 orang membabitkan 12,128 keluarga yang ditempatkan di 109 pusat pemindahan sementara.

Meskipun banjir di negeri ini keseluruhannya hampir pulih namun faktor bentuk muka bumi di Batu Pahat yang tidak dapat mengalirkan air keluar dipercayai menjadi punca air terus bertakung.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontijen (IPK) Johor berkata, malah air yang surut dari daerah Segamat mengalir masuk ke daerah Batu Pahat menyebabkan kawasan-kawasan tertentu di daerah itu sukar untuk pulih segera.

Bagaimanapun, menurutnya, keadaan cuaca cerah beberapa hari ini sedikit sebanyak telah menyebabkan air di sesetengah kawasan mulai surut dan jumlah mangsa mulai berkurangan dari masa ke semasa.

"Ada tanda positif apabila terdapat kawasan yang mulai surut dan ada bilangan mangsa boleh kembali ke kediaman masing-masing," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata, daerah Kota Tinggi juga masih mencatatkan jumlah mangsa banjir iaitu sebanyak 26 orang membabitkan tujuh keluarga yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara selepas kediaman mereka musnah akibat bencana itu.

Sementara menunggu kediaman baru, menurutnya, mangsa-mangsa tersebut kini ditempatkan di pusat pemindahan di Dewan Jubli di sini.

Dalam pada itu, laluan-laluan utama di negeri ini kebanyakannya telah dibuka kecuali beberapa jalan yang hanya boleh dilalui kenderaan ringan sahaja selepas beberapa jambatan runtuh dan sedang dibaiki.

"Keadaan jalan menuju ke Batu Pahat tidak banyak berubah dengan jalan Yong Peng-Parit Sulung, Seri Bengkal, Seri Pasisir dan Seri Medan masih ditutup," ujarnya.